

**Kaum India Perlu Sokong Bn Untuk Pastikan Nasib Terus Dibela - D'Cruz  
Bernama  
2 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 2 Feb (Bernama) -- Kaum India di negara ini perlu terus menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan kerajaan Barisan Nasional (BN) bagi memastikan nasib dan masa depan mereka terus dibela.

Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Maglin Dennis D'Cruz berkata dengan cara itu agenda pembangunan yang dirancang kerajaan sekarang dapat dilaksanakan secara berterusan.

"Pelbagai manfaat telah diperoleh hasil daripada pelbagai program dan bantuan yang diilhamkan sendiri Perdana Menteri untuk masyarakat India termasuk dalam bidang pendidikan, ekonomi dan usaha menaik taraf kehidupan mereka.

"Berlawanan pula dengan pihak pembangkang yang hanya tahu menabur janji dan menghebahkannya namun hakikatnya mereka gagal melakukan sebarang perubahan dan tiada sumbangan untuk kaum India," katanya kepada pemberita selepas melawat Persatuan Kesenian Muzik dan Tarian Klasik India Malaysia di Brickfields di sini Sabtu.

D Cruz yang juga Naib Presiden Kanan Parti Progresif Penduduk (PPP), berkata Perdana Menteri sentiasa melihat keperluan dan kehendak masyarakat India agar kaum itu turut berjaya seperti kaum lain di Malaysia.

Pada masa sama, beliau yakin peratusan sokongan kaum India terhadap BN akan terus meningkat hasil kerjasama semua pemimpin dan anggota parti komponen BN.

Ini kerana katanya kaum India sentiasa diingatkan bahawa hanya BN melambangkan kesatuan pelbagai kaum dan sentiasa mengambil kira agenda kepentingan setiap lapisan masyarakat di negara ini.

"Oleh itu, sewajarnya masyarakat India mengekalkan institusi politik unik ini agar negara terus harmoni.

"PPP juga akan terus menggandakan usaha untuk memastikan sokongan masyarakat India terus meningkat dan apa yang paling penting kesetiaan mereka terhadap BN berterusan bagi membolehkan BN memperoleh majoriti yang besar pada PRU nanti," katanya.

Menyentuh persiapan PPP dalam menghadapi pilihan raya umum ke-13, beliau berkata jentera parti itu telah lama bersedia dengan pelbagai strategi dan program terutama dalam menarik lebih ramai pengundi muda untuk menyokong BN.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=925630>